



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)

KENYATAAN TENDER

Pelawaan tender kepada syarikat yang berminat untuk mengambil bahagian, berpengalaman dan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang masih sah tempoh bagi tender berikut :

NOMBOR DAN TAJUK TENDER	SYARAT PENDAFTARAN (KOD BIDANG MOF)	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN TENDER & TARIKH TUTUP	TEMPAT PENJUALAN DOKUMEN TENDER & PEGAWAI DIHUBUNGI
NO. TENDER : MPOB(T/P)09/25 PERKHIDMATAN PENGUNAAN UJIAN DNA SHELL UNTUK MENGETAHUI TAHAP KONTAMINASI BUKAN TENERA BIJI BENIH SAWIT DI IBU PEJABAT MPOB, BANDAR BARU BANGI, SELANGOR DAN STESEN MPOB LAHAD DATU, SABAH	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) 222702 - Marker/DNA ; atau 222703 - Bioteknologi ; atau 222705 - Ujian Makmal Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera (MOF) (jika ada); dan Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate</i>)	Tiada Taklimat Tender Tarikh Penjualan Dokumen Tender : 21 April 2025 (Isnin) - 30 April 2025 (Rabu) Tarikh tutup: 8 Mei 2025 (Khamis)	Tempat Penjualan Dokumen: Kaunter Kewangan, Unit Kewangan & Perolehan, Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB, No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor Tel: 603-8769 4524. Untuk keterangan selanjutnya, sila hubungi : Nama Pegawai : Dr. Leslie Low/Dr. Rozana Rosli Tel: 03-8769 4504/4966 Emel : lowengti@mpob.gov.my lizana@mpob.gov.my

1. Dokumen tender berharga **RM50.00** senaskah boleh dibeli secara **draf bank sahaja** (tidak dikembalikan) atas nama Lembaga Minyak Sawit Malaysia mengikut waktu dan tempat seperti jadual di atas pada hari bekerja dan waktu pejabat dari **9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari atau 2.00 petang hingga 4.00 petang** (kecuali pada hari Jumaat dari 9.00 pagi hingga 11.30 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.00 petang).
2. **Petender/Syarikat wajib berdaftar sebagai pembekal/kontraktor MPOB yang sah sebelum menyertai perolehan MPOB.** Pendaftaran yang lengkap termasuk pembayaran pendaftaran hendaklah dijelaskan **SEBELUM** petender mengembalikan dokumen tender pada tarikh tutup tender yang ditetapkan. Untuk maklumat lanjut, sila majukan pertanyaan kepada perolehan@mpob.gov.my atau hubungi di talian 03-87694543 (Pn. Shahera)/03-87694472 (Pn. Anis Raihana)/03-87694267 (Pn. Siti Khadijah).
3. **Petender adalah digalakkan untuk menghubungi pegawai yang berkaitan tender di atas** bagi mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran tender.
4. Bagi pembelian dokumen tender, wakil kepada pemilik syarikat/kontraktor dengan **Surat Perwakilan Kuasa** adalah dibenarkan. **Sesalinan sijil pendaftaran di atas** hendaklah dikemukakan kepada MPOB (tidak dikembalikan) sebagai bukti kelayakan. **Sila bawa cap syarikat semasa berurusan dengan MPOB.**
5. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dimeteri serta ditulis nombor, tajuk dan tarikh tutup tender di sudut atas sebelah kiri sampul. Dokumen tender tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender pada atau sebelum tarikh tutup tender di alamat: **Peti Tender, Kaunter Kewangan, Unit Kewangan & Perolehan, Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB, No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000, Kajang, Selangor.**
6. Tarikh tutup tender adalah **8 Mei 2025 (Khamis)**. Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
Keutamaan dan kelebihan diberikan kepada syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.